



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

- JAWATAN** : PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L10
- TARAF JAWATAN** : TETAP / PEMINJAMAN
- BILANGAN KEKOSONGAN** : SATU (1) KEKOSONGAN
- PENEMPATAN** : MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
- KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 3,840.00	RM12,150.00	RM250.00

1. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN:

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Mempunyai:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii. Sijil Amalan Guaman; atau
 - iii. *Barrister-at-law-England*; atau
 - iv. *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- e) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan pengurusan perundangan am.

2. FUNGSI BIDANG TUGAS

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sedang berkembang dengan melaksanakan lebih banyak fungsi-fungsi yang termaktub di dalam Akta Perubatan (1971) dan pindaan 2012. Dengan pewujudan lebih banyak fungsi, MPM mempelawa individu berkelayakan untuk menyanggah jawatan Pegawai Undang-undang, Gred L10. Kami memerlukan individu yang berpengetahuan luas dalam bidang perundangan dan kehakiman, mempunyai kemahiran interpersonal dan berpengetahuan yang baik dalam Akta Perubatan dan Peraturan Perubatan. Antara tugas utama adalah seperti berikut:

- a) Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, dan guaman; dan
- b) Pemantauan dan pengawasan prestasi keselamatan dan obligasi selepas pendaftaran pengamal perubatan merangkumi *adverse event, reporting, recall, incident investigation*.

3. CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara dalam talian melalui Portal Rasmi Majlis Perubatan Malaysia (mmc.gov.my).
- b) Permohonan ini dibuka kepada mana-mana individu berkelayakan, sama ada dari dalam atau luar MPM.
- c) Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dokumen seperti berikut:
 - i. Satu (1) keping gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan).
 - ii. Salinan Kad Pengenalan (MyKad) dan salinan Sijil Kelahiran.
 - iii. Resume ringkas yang terkini, tidak melebihi dua (2) muka surat, yang menyenaraikan pengalaman kerjaya dan pencapaian.
 - iv. Salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan.
 - v. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang di kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini serta mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Ceraian UP.1.2.1 - Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Petukaran Sementara dan Pertukaran Tetap, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia.
 - vi. Kesemua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas).
- d) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis

NAMA JAWATAN YANG DIPOHON di sebelah atas kiri sampul surat dengan HURUF BESAR dan hendaklah dikemukakan kepada:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA,
Aras 1, Blok C, Jalan Cenderasari,
50590 KUALA LUMPUR.
U.P: Unit Sumber Manusia**

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **3 Ogos 2026 (Isnin)**. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

5. TEMU DUGA

Hanya permohonan yang lengkap akan dipanggil menghadiri temu duga. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai Cawangan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan melalui saluran berikut:

Puan Norsalawati binti Yusof / En Muhammad Al Amin bin Mohd Ismail di e-mel hr@mmc.gov.my atau di talian 03-9078 2171